

U B705 AAB  
MAHATHIR-PENGURUSAN

KUALA LUMPUR, 24 APRIL (BERNAMA) -- NEGARA SUDAH PUN MULAI MERASAI KESAN DARIPADA LANGKAH PENSWASTAAN DAN PENGURANGAN KAKITANGAN KERAJAAN TERMASUK PENJIMATAN \$2,000 JUTA WANG PAMPASAN.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PENJIMATAN SEBANYAK ITU KERANA PROJEK-PROJEK YANG TELAH DIIKAT-JANJI TIDAK PERLU DIBATALKAN.

KATANYA KESAN LAIN IALAH RIZAB NEGARA MENINGKAT SEKALI GANDA BERBANDING DENGAN KEADAAN TIGA TAHUN LEPAS.

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAGI RANCANGAN MALAYSIA KELIMA PULA DAPAT DITINGKATKAN SEMULA DARIPADA \$37,000 JUTA KEPADA \$48,000 JUTA, KATANYA.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA MENYENTUH SOAL PENINGKATAN PENGURUSAN KERAJAAN SEMASA BERUCAP SELAKU PRESIDEN UMNO MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG KE-38 PARTI ITU DI SINI HARI INI.-- LAGI  
1413MST 24 04 87

U B906 AAB  
MAHATHIR-PENGURUSAN 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENGHURAIKAN KEPADA PERHIMPUNAN ITU SEBAB-SEBAB KERAJAAN MENSWASTAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA PERKHIDMATANNYA.

BELIAU MENEGASKAN JIKA SESUATU PERKHIDMATAN DISWASTAKAN SEKALIPUN, KERAJAAN TERPAKSA MENYEDIAKAN ELEMEN SUBSIDI.

INI KERANA PIHAK SWASTA JUGA TIDAK MUNGKIN MENAMPUNG SEMUA KOS DENGAN KUTIPAN YANG AKAN DIPEROLEHI, KATANYA.

DALAM KONTEKS INI BELIAU MENYEBUT SEBAGAI CONTOH KESANGGUPAN KERAJAAN MEMAJAK SELURUH SISTEM KERETA-API DENGAN BAYARAN \$1 SAHAJA.  
-- BERNAMA

1417MST 24 04 87